

Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Daerah Sri Aman terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran

The Perception of Malay Language Teachers in Sri Aman District Primary Schools Towards the Implementation of Higher Order Thinking Skills in Teaching dan Learning

SYAZANA SAHARI & ZAMRI MAHAMOD

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah di Daerah Sri Aman terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) iaitu daripada segi aspek pemahaman, pengetahuan, pelaksanaan KBAT dalam pengajaran, sikap dan penilaian. Seramai 90 orang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah dari 3 bahagian iaitu bahagian zon Sri Aman, Zon Undup dan Zon Lingga. Ketiga-tiga zon ini adalah dari daerah Sri Aman. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang kaji selidik sebagai alat instrumen kajian. Data dianalisis menggunakan Statistical Package For Science Social (SPSS) versi 22.0 bagi menganalisis data deskriptif dan inferensi yang melibatkan analisis ujian-t. Hasil kajian menunjukkan nilai purata min bagi pemahaman (min = 3.389) guru Bahasa Melayu berada pada tahap sederhana. Sementara empat lagi aspek yang dikaji iaitu tahap pengetahuan (min = 3.676), tahap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran (min = 3.70), tahap sikap (min = 3.62) dan tahap penilaian (min = 3.57) guru Bahasa Melayu terhadap KBAT menunjukkan purata nilai min berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, dapatan kajian ini penting bagi melihat kesediaan dan penerimaan guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan KBAT di samping memberikan maklumat kepada pihak-pihak yang terlibat seperti KPM bagi membantu guru menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya dalam Bahasa Melayu.

Kata kunci: Kemahiran berfikir aras tinggi, pengajaran dan pembelajaran, guru Bahasa Melayu, sekolah rendah

ABSTRACT

This study identifies the perception of Bahasa Melayu teachers in daily primary schools in Sri Aman District towards the implementation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) from the aspect of comprehension, knowledge, the implementation of HOTS in their teaching, attitude and assessment. Research samples comprise 90 Bahasa Melayu teachers who are teaching in primary schools in Zon Sri Aman, Zon Undup and Zon Lingga. Researcher used questionnaire sets to collect data from the samples. The data were analyzed using Statistical Package for Science Social (SPSS) version 22.0 to explain descriptive and inferential data. The findings show that average mean for comprehension level of samples is (mean = 3.389) which are at medium level. The other four studied aspect were knowledge level (mean = 3.676), the implementation of HOTS in their teaching process (mean = 3.70), level of teachers' attitude (min = 3.62) and assessment level (min = 3.57) showed that the average mean values are at high levels. Thus, this will give useful information to prior party such as Ministry of Malaysian's Education (KPM) to assist them in applying HOTS especially in Bahasa Melayu subject.

Keywords: Higher order thinking skills, teaching and learning, Malay Language teachers, primary school

PENGENALAN

Setiap usaha untuk mencapai sesuatu yang lebih baik semestinya memerlukan konsistensi dan bantuan yang cukup. Sistem pendidikan juga tidak terkecuali yang mana setiap orang yang terlibat perlu berusaha dan menyelesaikan setiap masalah yang timbul. Usaha ini termasuklah menerapkan sikap bertanggungjawab kepada setiap guru untuk melahirkan modal insan berkualiti. Semestinya

semua ini boleh menjadi kenyataan sekiranya pihak kerajaan menumpukan perhatian lebih kepada sistem terlibat sama ada daripada aspek peruntukan kewangan, material dan sebagainya.

“Adalah tidak patut kita menggelarkan diri kita kaya, sekiranya kita mempunyai sumber yang kaya, tetapi tidak tahu bagaimana untuk memanfaatkan sumber-sumber yang ada”.

Kata-kata ini di ucap oleh Tun Mahathir semasa berucap di Amerika Syarikat pada tahun

1996 (Abdul Rahim 1999). Oleh demikian, untuk memacu perkembangan lebih pesat, rakyat Malaysia semestinya harus mempunyai ciri berfikir yang tinggi bagi melahirkan modal insan seperti ini memerlukan perubahan dalam sektor pendidikan. Seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kita hendaklah meninjau kembali setiap program dan langkah yang telah dilaksanakan supaya boleh diubah suai, ataupun diganti dengan langkah lebih berkesan dalam melahirkan modal insan yang berfikiran kritis, berkebolehan menyelesaikan masalah dan menjadi inspirasi kepada setiap orang, masyarakat dan negara amnya. Di Malaysia, Fakulti Pendidikan di universiti-universiti awam dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) menawarkan ilmu keguruan yang pelbagai kepada setiap guru pelatih. Mereka akan didedahkan dengan suasana kelas yang sebenar dengan ditempatkan di sekolah-sekolah, selain dapat mengaplikasikan setiap ilmu yang diperolehi semasa dalam institut. Hal ini secara tidak langsung menambah ilmu dan kemahiran guru tersebut.

Oleh itu, setiap universiti dan IPGM melaksanakan komponen penting dalam sektor keguruan iaitu latihan mengajar agar mampu melahirkan guru yang berkualiti tinggi. Universiti-universiti dan institut berkenaan melaksanakan langkah seperti menempatkan pelatih di sekolah sebenar untuk tempoh masa tertentu supaya mereka dapat mempraktikkan apa yang diajar. Dengan cara ini, diharapkan guru pelatih selepas mengharungi kerja sebenar, mempunyai sikap profesionalisme, mempunyai persiapan cukup untuk mengajar dan mempunyai pemikiran dan kaedah pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

PENYATAAN MASALAH

Pada era globalisasi sekarang, kita harus seiring dengan perubahan semasa. Murid yang hanya mempunyai ilmu pengetahuan sahaja tidak cukup, malahan murid perlu mempunyai kebolehan berfikir aras tinggi, mempunyai daya inovasi yang tinggi serta kemampuan menyelesaikan setiap masalah dengan menggunakan kaedah pengajaran berfikir pada aras tinggi perlu dipraktikkan dengan lebih kerap. Pengajaran dan pembelajaran merupakan medium penting dalam mengaplikasikan kaedah berfikir aras tinggi (KBAT). Menurut Zamri (2014), guru Bahasa Melayu masih kurang menerapkan KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu. Para guru

masih mengamalkan kaedah pengajaran berasaskan /sehalu, iaitu tiada maklum balas yang memuaskan daripada murid. Hal ini seperti pengajar hanya sekadar memberi penerangan dan sesi interaksi bersama murid hanya berlaku semasa sesi soal jawab, murid hanya akan menerangkan kembali secara 'mentah' apa yang diterangkan oleh guru. Hal seperti ini akan menyebabkan murid hanya mendapat ilmu yang murid itu sendiri tidak mampu kembangkan disebabkan ketiadaan kemahuan untuk KBAT.

Selain itu, penyelidikan yang dilaksanakan sebelum ini (Contoh: Siti Nurliyana 2015; Tengku Fairus 2015; Nor Hasmaliza 2015; Rahimah 2016), lebih banyak tertumpu kepada penerapan KBAT dalam kalangan guru bahasa Melayu, tetapi tidak memfokuskan perbandingan antara guru lelaki dan guru perempuan serta pengalaman guru mengajar. Sehingga kini, belum terdapat perbandingan yang jelas antara jantina dan pengalaman guru mengajar dalam penerapan unsur KBAT semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas. Oleh itu, adalah sangat penting untuk menjalankan kajian bagi melihat persepsi guru tentang KBAT dalam PdP di dalam kelas berdasarkan jantina dan pengalaman guru mengajar. Hal ini jelas berdasarkan kajian oleh Siti Zabidah (2006), menyatakan kemahiran berfikir guru Bahasa Melayu masih berada di tahap mekanikal dan masih belum diserapkan secara terancang. Pengajaran guru lebih kepada berpusatkan guru sahaja. Melalui kajian sebelum ini, jelaslah bahawa kajian lebih banyak terarah kepada keseluruhan guru dan kesediaan guru dalam mengaplikasikan KBAT tanpa mengambil kira jantina guru dan pengalaman guru mengajar yang terlibat dalam kajian.

Kebanyakan guru masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan kemahiran untuk meningkatkan KBAT, walaupun mereka sendiri sudah mencuba langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan kemahiran ini pada setiap murid (Mohamad Khairi & Asmawati 2010). Interaksi dua hala antara guru dan murid mampu menjadikan suasana dalam bilik darjah lebih seronok dengan sesi-sesi yang mencabar dan merangsang pemikiran murid untuk mengembangkan ilmu yang diterima, dan para guru juga harus membiarkan ruang untuk murid mengembangkan ilmu tersebut. Bagi menjana pembangunan minda murid berkesan, para guru haruslah mampu menambah baik setiap kaedah PdP yang dilaksanakan seiring dengan perubahan semasa. Hal ini secara tidak langsung memerlukan

guru yang mempunyai inovasi, pemikiran dan komitmen yang tinggi.

Pemahaman guru berkaitan konsep KBAT sangat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran murid. Menurut laporan kajian keperluan oleh Perunding Kestrel Education (UK) dan 21 Century Schools (USA) dalam Laporan PPPM 2013-2025 (KPM 2013) menyatakan pengetahuan guru tentang KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih di tahap yang rendah serta memerlukan perubahan supaya inovasi kurikulum yang telah dirancang oleh pihak KPM dapat dicapai. Kenyataan ini disokong oleh kajian Nor Hasmaliza (2016) dan Rahimah (2016) yang mendapati guru-guru Bahasa Melayu masih kurang pemahaman dan pengetahuan mereka tentang KBAT. Guru-guru Bahasa Melayu masih kurang memahami dan mengetahui kaedah terbaik untuk menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran mereka.

Selain itu, menurut Zanaton (2017), PdP di dalam kelas adalah bersifat *reproduction*, iaitu guru lebih suka menerapkan semua ilmu yang terdapat pada sukatan mata pelajaran dahulu pada murid supaya murid kelak dapat mengembangkan ilmu itu sendiri. Hal ini termasuklah menekankan teknik hafalan semata mata. Kajian ini turut disokong oleh Zamri (2014) yang menyatakan amalan pengajaran oleh pengajar kurang menitikberatkan strategi KBAT seperti kaedah penyoalan, perbincangan, dan inkuiri penemuan. Aspek yang lebih penting ialah memerlukan murid itu sendiri mencari maklumat dan berfikir tentang sesuatu ilmu itu dengan ilmu lain yang berkaitan. Jika hal ini diabaikan akan menyebabkan murid malas mencari maklumat itu sendiri dan mengharapkan guru menjawab sendiri soalan pada sesi soal jawab. Menurut Zamri (2015), pengajaran guru yang masih menggunakan kaedah tradisional tanpa mengira aspek KBAT sangat mempengaruhi pencapaian murid, malah kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran tersebut juga akan sukar dicapai.

Untuk merealisasikan suasana pengajaran dan pembelajaran berasaskan kemahiran berfikir secara berkesan, penglibatan murid secara langsung adalah amat diperlukan (Zamri 2014). Oleh itu, guru harus memastikan murid menerima bukan sahaja ilmu, tetapi pengalaman. Hal ini membolehkan murid memikirkan kembali apa yang mereka pelajari, seterusnya secara tidak langsung murid mengembangkan ilmu yang dipelajari. Oleh itu, penekanan terhadap pentingnya penggunaan kaedah pengajaran berasaskan kemahiran berfikir

adalah sudah cukup, tetapi di mana masalahnya? Jawapannya ada pada pelaksanaan, komitmen dan kemahuan. Pelaksanaan yang kurang berkesan, seperti kaedah yang kurang bertepatan dengan subjek diajar sering terjadi di dalam kelas. Komitmen juga memainkan peranan, yang menjadikan para guru mudah berputus asa dan tidak berusaha menerapkan pengajaran berasaskan KBAT pada kekerapan yang sepatutnya.

Kajian yang dilakukan oleh Saemah dan Zamri (2017) membincangkan reaksi dan hasil (pencapaian) murid dapat menjadi kayu ukur dalam meningkatkan atau menambah baik kaedah PdP berasaskan KBAT. Kajian ini juga mendapati kaedah penyebatian ilmu dalam sukatan pelajaran dan pelaksanaan kaedah pengajaran berasaskan berfikir bersesuaian dengan kaedah pengajaran berasaskan pemikiran kritikal. Dalam menuju matlamat ini, beberapa aspek perlu diambil kira oleh guru seperti kebolehan guru itu sendiri, teknik pengembangan ilmu seperti sesi soal jawab dan latihan yang membuat murid berfikir di luar kotak. Kaedah-kaedah ini jika diterapkan dengan konsisten dapat memberi hasil memuaskan. Di sini kita lihat, matlamat dalam kurikulum adalah jelas. Semestinya kaedah pengajaran akan membawa hasil positif kepada hasil pengajaran dan kepada murid itu sendiri. Oleh itu, tanggapan guru terhadap kurikulum itu sendiri mempengaruhi keberkesanan guru dalam pengajaran. KBAT dalam kalangan murid dapat dikembangkan sekiranya guru memahami sepenuhnya objektif kurikulum dan seterusnya memilih kaedah yang bersesuaian dengan subjek diajar (Saemah & Zamri 2016).

Pengajaran yang masih bercorak pengajaran tradisional yang berpusatkan guru menjadi salah satu kekangan dalam merealisasikan kemahiran berfikir murid-murid. Hal tersebut menyebabkan objektif KBSM bukan sahaja tidak tercapai malahan ia turut menyebabkan isu murid pasif dalam bilik darjah semasa proses PdP terus berlaku. Siti Zubaidah (2006) menyatakan bahawa perlakuan pelajar yang pasif boleh diatasi dengan mewujudkan interaksi aktif antara guru dengan murid, murid dengan murid dan penggunaan alat bantu mengajar. Pada masa yang sama, ia turut memberi sedikit kebebasan untuk berfikir secara kreatif melalui penglibatan aktif murid dan memudahkan murid berkongsi pendapat dan idea. Zamri (2015) dalam kajian yang dijalankan olehnya menyatakan bahawa kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pengajaran

guru masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengambil kira aspek kemahiran berfikir pelajar sedangkan kemahiran berfikir itu adalah merupakan aspek penting dalam menguasai sesuatu kemahiran yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian pelajar.

PdP yang masih menjurus kepada peperiksaan (exam-oriented) menjadi salah satu isu dalam pernyataan masalah kajian penyelidikan. Ia telah melemahkan usaha untuk melahirkan murid yang seimbang daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang termaktub dalam kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Situasi yang berlaku menyebabkan para guru kurang menekankan aspek kemahiran berfikir murid-murid kerana lebih menumpukan kepada usaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan penguasaan teknik menjawab soalan peperiksaan semata-mata. Zamri dan Nor Razah Lim (2011) dalam kajian yang dijalankan telah menyatakan bahawa dalam konteks PdP penyediaan berupaya menggalakkan interaksi guru dan murid secara berkesan. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru dapat mencungkil pengetahuan murid dan mengukuhkan isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Selain itu, pengkaji turut menegaskan bahawa seorang guru yang mahir adalah seorang penyual yang berkesan di mana guru tersebut dapat menggunakan soalan-soalan yang dapat membimbing murid dalam memberikan idea yang jelas, mengembangkan potensi berfikir serta dapat menggerakkan daya imaginasi murid.

Rajendran (2001) menyatakan bahawa guru-guru tidak mengajar murid-murid menguasai kemahiran mencari, memahami, menganalisis, dan menggunakan maklumat dengan lebih mendalam. Kajian Sharifah Nor (2012) pula menyokong pernyataan kajian yang dilakukan oleh Siti Zubaidah (2006) dengan menyatakan bahawa kemahiran berfikir guru Bahasa Melayu masih berada di tahap penggunaan mekanikal dan masih belum diserapkan secara terancang. Oleh itu, guru seharusnya bijak menggunakan strategi KBAT dalam memberikan sesuatu tugas kepada murid dengan mengambil kira ciri perbezaan seseorang murid itu sendiri supaya dapat mencapai objektif pengajaran dengan berkesan.

Pelbagai inovasi baru dalam PdP cuba dilakukan oleh kerajaan bagi membantu guru mengajar dengan lebih berkesan dan dapat memberi pemahaman yang baik kepada murid tentang isi pengajaran yang disampaikan oleh guru mereka. Di samping itu juga, inovasi yang dilakukan adalah bertujuan untuk memupuk KBAT dalam kalangan murid sepanjang

proses PdP berlangsung di dalam bilik darjah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi guru tentang pelaksanaan penerapan elemen KBAT daripada segi aspek pengetahuan, pemahaman, kemahiran pelaksanaan KBAT dalam pengajaran, sikap dan juga penilaian.

KAJIAN KBAT DALAM PDP BAHASA MELAYU

Satu laporan berdasarkan satu kajian dalam negara menyatakan bahawa pengajaran kognisi aras tinggi membantu murid untuk menjadi murid yang berdikari dan membina keupayaan untuk berfikir lebih kreatif dan kritis seperti yang dinyatakan dalam matlamat falsafah pendidikan negara. Berdasarkan kajian literatur, didapati masih belum banyak kajian tentang KBAT dilakukan oleh pengkaji tempatan. Rajendran (1998) telah menjalankan kajian tentang KBAT ketika pengajaran bahasa. Dapatan kajian menunjukkan PdP bahasa dapat meningkatkan keupayaan murid untuk berfikir secara kritis. Beliau juga mengenal pasti enam masalah dalam pengajaran KBAT iaitu institusi latihan guru yang berbeza, suasana PdP yang berbeza, perlu mendapatkan keizinan, kaedah pengajaran guru yang berbeza-beza, guru kurang yakin dan sekolah lebih berfokus kepada peperiksaan utama. Kajian lain yang dijalankan oleh Rajendran (2000) dibentangkan dalam kertas kerjanya, bertajuk "Kesusasteraan sebagai Wahana Mengajar KBAT". Dapatan kajian menunjukkan guru tidak menekankan KBAT dan kurang menyediakan peluang bagi murid menguasai kemahiran berfikir apabila guru kurang yakin dengan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam mengajar kemahiran berfikir. Menurutny lagi, guru perlu didedahkan dengan secukupnya daripada segi pengetahuan dan kemahiran mengajar di dalam kesusasteraan dan kemahiran berfikir. Guru yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang kesusasteraan akan membawa pengajaran di dalam bilik darjah ke tahap yang lebih tinggi dengan mendorong murid-murid melalui proses pemikiran aras tinggi.

Pada tahun 2001, Rajendran telah membincangkan tentang pengajaran KBAT di Malaysia. Dalam kajian tersebut, pengkaji meninjau persepsi guru meliputi aspek pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap terhadap pengajaran Bahasa Melayu dan KBAT. Hasil kajian ini mendapati bahawa guru-guru Bahasa Melayu lebih bersedia daripada segi pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap untuk mengajar Bahasa Melayu berbanding dengan mengajar KBAT.

Persepsi mereka adalah jauh berbeza bagi pengajaran Bahasa Melayu berbanding dengan pengajaran KBAT. Hal ini kerana, mereka percaya bahawa mereka kurang bersedia daripada aspek ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap untuk mengajar KBAT. Pemerhatian yang dibuat juga menunjukkan proses PdP di bilik darjah masih lagi berpusatkan guru.

Seterusnya kajian kemahiran berfikir yang dilakukan oleh Madzanah (2000) telah mengenal pasti beberapa faktor yang dianggap oleh guru sebagai cabaran dan halangan kepada pengajaran kemahiran berfikir iaitu kekurangan pengetahuan serta kefahaman mengenai amalan KBKK dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu. Selain itu, sikap guru yang menganggap KBKK hanya sesuai diajar kepada murid cerdik, beban tugas guru bertambah dan kekurangan masa juga menjadi antara faktor halangan kepada pengajaran kemahiran berfikir. Malahan sikap murid yang pasif, jumlah murid yang terlalu ramai dalam kelas dan kekurangan alat bantu mengajar yang sesuai turut memberi cabaran kepada guru dalam melakukan pengajaran kemahiran berfikir.

Dapatan kajian Madzanah (2000) diperkukuhkan lagi dengan dapatan kajian oleh Nasyimah (2016) yang telah menjalankan kajian tentang penerapan kemahiran berfikir dalam pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu di sekolah menengah. Hasil kajiannya mendapati bahawa guru kurang yakin untuk melaksanakan amalan pemikiran kritis dan kreatif dalam pengajaran walaupun telah mendapat pendedahan dan mengikuti kursus KBKK yang dianjurkan oleh KPM. Noor Rohana (2003) pula telah menjalankan kajian tentang penyebatian kemahiran berfikir dalam PdP Bahasa Melayu. Dapatan kajian beliau menunjukkan guru-guru di kawasan bandar lebih iltizam untuk melaksanakan inovasi dalam kurikulum berbanding dengan guru-guru di kawasan luar bandar. Daripada segi pelaksanaannya pula, didapati penggunaan strategi dan teknik penyebatian kemahiran berfikir dalam kemahiran bahasa masih terhad dan terbatas. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran berfikir dengan pencapaian akademik murid-murid.

Hasil kajian oleh Zamri dan Jamaludin (2002) pula mendapati guru-guru Bahasa Melayu lebih selesa menggunakan kemahiran berfikir kritis aras rendah berbanding KBAT. Selain itu, guru juga didapati lebih cenderung untuk mengajar kemahiran berfikir secara terpisah. Yahya (2003) pula mengkaji tentang persepsi guru-guru Bahasa Melayu di Negeri Sembilan terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir

dalam pengajaran Bahasa Melayu. Seramai 133 orang guru Bahasa Melayu di tiga buah daerah di Negeri Sembilan yang mengajar kelas menengah atas dijadikan sebagai sampel kajian. Hasil kajian menunjukkan guru Bahasa Melayu bukan sahaja masih belum menguasai sepenuhnya konsep kemahiran berfikir malahan juga tidak menguasai cara untuk melaksanakannya di dalam bilik darjah. Pengkaji juga mendapati terdapat aspek lain yang menjadi kekangan dalam membolehkan pelaksanaan kemahiran berfikir dijalankan seperti keperluan untuk mendapatkan informasi yang lebih baik berkaitan dengan kemahiran berfikir serta amalan dalam pedagogi Bahasa Melayu.

Walaupun pelaksanaan kemahiran berfikir telah lama dilakukan oleh KPM, namun masih wujud lagi masalah terutama dari segi kefahaman dan amalan pedagogi dalam kalangan guru. Kajian Suzana (2016) tentang mengajar kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sebuah sekolah rendah di daerah Batu Pahat, Johor menunjukkan masih lagi terdapat faktor-faktor yang menghalang keberkesanan pelaksanaannya terutama aspek pemahaman guru terhadap kemahiran berfikir, cara pelaksanaannya dalam bilik darjah dan juga penggunaan alat berfikir yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran.

Kajian yang dilakukan oleh Sharifah Nor dan Aliza (2012) membincangkan hasil kajian untuk menilai keprihatinan guru Bahasa Melayu menerapkan KBKK sebagai aspek kurikulum yang perlu disepadukan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian kes berbentuk kuantitatif dan kualitatif dijalankan dengan menggunakan Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan atau *Concerns-Based Adoption Model* (CBAM) melibatkan 3 orang guru sebagai sampel kajian untuk dua dimensi CBAM iaitu menilai peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan. Hasil dapatan kajian kuantitatif yang dilakukan menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu lebih menumpukan kepada keprihatinan sendiri dalam amalan melaksanakan KBKK. Walau bagaimanapun, guru Bahasa Melayu dilihat masih berminat untuk mengetahui dan mempelajari aspek-aspek berkaitan KBKK, penggunaan KBKK dan kesan penggunaan KBKK ke atas pelajar. Manakala dapatan kajian kualitatif pula menunjukkan responden kajian tidak menyerap KBKK secara tidak terancang dalam PdP. Selain itu, hasil kajian turut menggambarkan KBKK masih belum direalisasikan secara berkesan dan memerlukan program intervensi untuk membantu guru melaksanakan KBKK.

Siti Nurliyana (2015) telah menjalankan kajian tentang amalan KBAT. Kajian tinjauan ini bertujuan untuk meninjau penggunaan elemen KBAT dalam pembelajaran pemahaman bacaan. Kajian ini juga melihat pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran pemahaman bacaan. Kajian ini melibatkan 368 orang pelajar tingkatan empat di lima buah sekolah di Kuala Lumpur. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dengan lima skala likert bagi tujuan mengumpulkan data. Kajian rintis digunakan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen borang kaji selidik untuk memperoleh nilai *Cronbach Alpha* (α). Nilai (α) berada pada tahap tinggi secara keseluruhan bagi setiap item dalam borang kaji selidik. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program SPSS 22.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengetahuan, dan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran pemahaman bacaan berada pada tahap sederhana. Manakala sikap pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran pemahaman bacaan berada pada tahap tinggi. Analisis inferensi menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pengetahuan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran pemahaman bacaan berdasarkan jantina. Daripada segi min menunjukkan pelajar perempuan mempunyai pengetahuan terhadap KBAT yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap dan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran pemahaman bacaan berdasarkan jantina. Analisis inferensi juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pengetahuan dan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran pemahaman bacaan. Kajian ini membuktikan bahawa KBAT dapat membantu pelajar membina pemahaman membaca serta membantu keupayaan pelajar berfikir secara kritikal.

Tengku Fairus (2015) menjalankan kajian untuk mengkaji tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam menerapkan amalan KBAT semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Fokus utama kajian adalah untuk melihat sejauh mana amalan KBAT diterapkan dalam set induksi, penyampaian isi pengajaran, menutup pengajaran dan membuat penilaian pengajaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Sampel kajian terdiri daripada 73 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam daerah Larkin, Johor Bahru. Data dianalisis menggunakan program

perisian *Package For The Social Sciences SPSS Version 19.0* untuk mencari kekerapan, peratusan, min, tahap dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru bahasa Melayu dalam menerapkan amalan KBAT semasa set induksi di bilik darjah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.03 yang mana nilai tersebut adalah sama dengan hasil dapatan min bagi tahap kemahiran guru bahasa Melayu dalam menerapkan amalan KBAT semasa penyampaian isi pelajaran di bilik darjah. Manakala nilai min bagi tahap kemahiran guru bahasa Melayu dalam menerapkan amalan KBAT semasa menutup pengajaran pula ialah 4.65 yang mana merupakan nilai tertinggi antara empat persoalan yang dikemukakan. Nilai min bagi tahap kemahiran guru bahasa Melayu dalam menerapkan amalan KBAT semasa membuat penilaian di bilik darjah pula ialah min 4.31. Oleh kerana semua persoalan berada pada tahap tinggi, maka secara purata tahap kemahiran guru bahasa Melayu dalam menerapkan amalan KBAT semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah berada pada tahap tinggi. Hal ini ditunjukkan oleh purata skor min yang diperoleh, iaitu sebanyak 4.26. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya guru-guru yang dikehendaki mengajar KBAT melalui mata pelajaran perlu meningkatkan lagi ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap. Selain itu juga, setiap kursus yang dirancang perlu dikendalikan dengan cara yang profesional dan teliti supaya kursus-kursus ini meninggalkan kesan positif dan berkesan dalam kalangan guru. Guru-guru juga perlu diberi sistem sokongan bagi membantu mereka dalam melaksanakan serta meningkatkan tahap KBAT semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Farah Adilna (2016) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan tiga. Kajian memberikan fokus kepada pencapaian pelajar dalam ujian, kemahiran berfikir kritikal, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran menaakul. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik, kertas ujian pra dan pos. Kajian dilaksanakan secara eksperimen menggunakan reka bentuk kumpulan kawalan ujian pra dan ujian pos (*pre-test post-test control group design*). Subjek kajian terdiri daripada 54 orang pelajar tingkatan tiga sebuah sekolah menengah kebangsaan agama di negeri. Seramai 28 orang pelajar daripada satu kelas tingkatan tiga dijadikan kumpulan kawalan

yang menerima PdP konvensional manakala satu lagi kelas tingkatan tiga seramai 26 orang pelajar dari sekolah yang sama dijadikan kumpulan eksperimen yang menerima pendekatan PBM. Sebanyak lapan hipotesis nul telah dikemukakan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik inferensi menggunakan ujian-t adalah bagi menguji hipotesis kajian dan menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan, daripada lapan hipotesis nul yang dikemukakan, dua hipotesis nul telah diterima dan enam pula ditolak. Penerimaan hipotesis nul menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian bagi ujian pra untuk kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan pada peringkat awal. Penolakan hipotesis nul menunjukkan terdapat perbezaan markah dalam pencapaian ujian pra dan pos bagi kedua-dua kumpulan eksperimen dan kawalan. Terdapat juga perbezaan tahap kemahiran berfikir kritikal, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran menaakul bagi kumpulan yang menggunakan pendekatan PBM dan kaedah konvensional. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa P&P menggunakan PBM berkesan kerana dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam karangan Bahasa Melayu dan sekali gus meningkatkan KBAT pelajar.

Rahimah (2016) telah membuat kajian untuk meneroka reaksi guru Bahasa Melayu di sekolah menengah berprestasi tinggi terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) iaitu daripada aspek cara pelaksanaan KBAT dalam penulisan karangan oleh guru bahasa Melayu melibatkan guru lelaki dan perempuan. Selain itu, kajian juga mengkaji keyakinan penyampaian guru lelaki dan guru perempuan ketika menyampaikan KBAT sewaktu mengajar karangan. Kajian ini juga turut mengkaji masalah yang dihadapi ketika penyampaian KBAT oleh guru dan aras KBAT yang digunakan ketika mengajar karangan. Seterusnya, kajian ini juga turut mencari langkah yang digunakan oleh guru bahasa Melayu dalam mengatasi masalah yang timbul semasa pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Seramai dua orang guru lelaki dan dua orang guru perempuan terlibat dalam kajian ini. Guru tersebut mempunyai pengalaman mengajar di bawah 5 tahun dan telah mendapat latihan mengenai KBAT sejak di peringkat universiti dan Institut Pendidikan Guru. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan diambil daripada pemerhatian, temu bual dan soal selidik secara berterusan. Seterusnya data

di proses secara manual. Hasilnya, dapatan kajian menunjukkan cara digunakan oleh guru-guru untuk melaksanakan KBAT dalam penulisan karangan adalah dengan menggunakan peta I-think adalah paling ketara. Responden atau peserta kajian juga menunjukkan keyakinan yang tinggi ketika penyampaian KBAT. Namun begitu, terdapat juga masalah yang timbul ketika penyampaian KBAT semasa mengajar karangan yang berpunca daripada kepelbagaian kecerdasan pelajar dalam sesebuah kelas yang menimbulkan gangguan dan penerimaan pelajar menjadi berbeza. Masalah tersebut diatasi guru dengan mempelbagaikan kaedah dalam penyampaian KBAT semasa mengajar penulisan karangan dan meningkatkan kemahiran guru dalam ilmu KBAT. Melalui kajian ini juga, dapat dilihat aras yang digunakan oleh guru adalah berbeza antara pelajar menengah rendah dan menengah atas. Hal ini disebabkan penerapannya bergantung kepada tahap kematangan pelajar berfikir. Dapatan kajian ini sesungguhnya penting bagi mewakili guru-guru di sekolah berprestasi tinggi dalam menyampaikan KBAT semasa mengajar karangan. Di samping itu kajian ini juga penting untuk melihat penulisan karangan yang bermutu oleh pelajar sekolah berprestasi tinggi selepas penerapan KBAT oleh guru bahasa Melayu. Walau bagaimana pun, setiap guru yang menjadi responden masih merasakan mereka perlu lebih belajar bagi menghasilkan pengajaran dan penyampaian KBAT semasa mengajar karangan lebih berkesan lagi pada masa hadapan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai beberapa objektif yang telah ditentukan selaras dengan hipotesis-hipotesis kajian yang dibentuk. Secara khusus, objektif-objektif kajian adalah seperti berikut: Mengetahui persepsi guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap pengajaran KBAT daripada aspek pemahaman, pengetahuan, pengajaran, sikap dan penilaian.

SOALAN KAJIAN

Soalan-soalan kajian yang berikut digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dijalankan, iaitu:

1. Apakah tahap pemahaman guru Bahasa Melayu sekolah rendah tentang PdP KBAT?

2. Apakah tahap pengetahuan guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah tentang PdP KBAT?
3. Apakah tahap pelaksanaan KBAT dalam PdP Bahasa Melayu?
4. Bagaimanakah tahap sikap guru terhadap KBAT dalam PdP Bahasa Melayu?
5. Apakah tahap penilaian guru terhadap KBAT dalam PdP Bahasa Melayu?

METADOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Pengkaji telah memilih kaedah tinjauan berasaskan kuantitatif iaitu kaedah pemberian borang soal selidik kepada responden terpilih, pengumpulan data adalah berasaskan kepada hasil daripada respons para responden kepada borang soal selidik. Pengumpulan data adalah untuk menilai persepsi guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Data-data tersebut didapati sepenuhnya daripada borang soal selidik tanpa menggunakan kaedah pengumpulan data yang lain.

POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah daripada tiga bahagian, iaitu bahagian Zon Sri Aman, Zon Undup dan Zon Lingga. Ketiga-tiga zon ini adalah dari daerah Sri Aman. Terdapat 107 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah daripada tiga bahagian zon. Jumlah guru yang merupakan sampel adalah seramai 90 orang. Saiz sampel seramai 90 orang adalah memenuhi piawai formula dan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Dalam kajian ini bermakna saiz sampel tersebut boleh digeneralisasikan kepada guru Bahasa Melayu

di ketiga-tiga zon tersebut dan digeneralisasikan sebagai mewakili populasi.

INSTRUMEN KAJIAN

Soal selidik ini dibentuk berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian, terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Setiap bahagian bertindak mengumpul maklumat yang terdiri daripada latar belakang, dan maklumat berkaitan kajian. Soal selidik dibina berdasarkan kajian Nor Hazmaliza (2016) dan Tengku Fairus (2015). Bahagian A untuk mengumpul latar belakang responden, terdiri daripada 8 soalan. Bahagian B untuk mengumpul data yang diperlukan oleh objektif dan persoalan kajian, terdiri daripada lima aspek dalam penilaian persepsi guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi. Skala Likert digunakan bagi menyediakan skop jawapan bagi setiap soalan, dan menyediakan set markah yang akan digunakan dalam analisis data.

ANALISIS DATA

Dua jenis analisis data telah digunakan untuk menganalisis data iaitu data deskriptif dan juga dengan menggunakan analisis ujian-t. Ujian-t merupakan ujian statistik inferensi yang digunakan untuk membandingkan dua atau lebih daripada dua kumpulan data selang atau nisbah. Data daripada soal selidik akan dianalisis melalui perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 22.0*. Mohd Majid (2005) menyatakan bahawa min adalah petanda arah tuju hasil kajian. Oleh itu pengiraan menyeluruh merangkumi peratusan, min (setiap item dan keseluruhan) dan frekuensi hendaklah dilakukan. Oleh itu, penentuan julat min sama ada tinggi, sederhana atau rendah ditentukan berdasarkan kepada jadual penetapan min oleh Mohd Majid (2005) seperti yang berikut:

JADUAL 1. Tahap penilaian responden berdasarkan min

Skala	Tahap
3.68 - 5.00	Tinggi
2.34 - 3.67	Sederhana
1.00 - 2.33	Rendah

DAPATAN KAJIAN

DEMOGRAFI RESPONDEN

Sebanyak 90 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah-sekolah rendah di bahagian Sri Aman, Sarawak telah dipilih sebagai responden. Latar belakang responden adalah berdasarkan kepada jawapan responden dalam borang soal selidik ditunjukkan dalam Jadual 2. Analisis deskriptif yang telah dijalankan menunjukkan 20 orang responden terdiri daripada guru lelaki (22.2%) manakala guru perempuan pula adalah seramai 70 orang (77.8%). Dapatan ini menunjukkan bilangan guru perempuan adalah melebihi $\frac{3}{4}$ daripada guru lelaki. Kajian ini juga mendapati sebanyak 21 orang guru (23.2%) daripada 90 orang responden adalah berumur dalam lingkungan 26-35 tahun, 30 orang guru (33.3%) guru berumur di

antara 36-45 tahun dan 39 orang guru (43.3%) berumur di antara 46 tahun ke atas.

Dalam analisis kelulusan tertinggi terdapat 14 orang guru (15.6%) mempunyai kelulusan dalam sijil perguruan, 22 orang guru (24.4%) mempunyai kelulusan diploma pendidikan dan hanya 5 orang guru (5.6%) sahaja yang mempunyai sarjana pendidikan. Analisis menunjukkan kebanyakan responden, iaitu 46 orang (51.1%) mempunyai ijazah pendidikan, manakala yang selebihnya iaitu 3 orang guru (3.3%) mempunyai kelulusan selain yang disebut di atas. Manakala analisis berikutnya menunjukkan bidang pengkhususan oleh responden. 53 orang guru (58.9%) mempunyai pengkhususan dalam bidang Bahasa Melayu atau Linguistik, manakala yang selebihnya iaitu 37 orang guru (41.1%) mempunyai bidang pengkhususan selain Bahasa Melayu atau Linguistik.

JADUAL 2. Taburan demografi responden

Kriteria	Kumpulan	Frekuensi	Peratus, %
Jantina	Lelaki	20	22.2
	Perempuan	70	77.8
Umur	26-35	21	23.3
	36-45	30	33.3
	46 ke atas	39	43.3
Kelulusan Tertinggi	Sijil Perguruan	14	15.6
	Diploma Pendidikan	22	24.4
	Ijazah Pendidikan	46	51.1
	Sarjana Pendidikan	5	5.6
	Lain-lain	3	3.3
Bidang Pengkhususan	Bahasa Melayu/Linguistik	53	58.9
	Lain-lain	37	41.1
Pengalaman mengajar	Kurang 3 tahun	5	5.6
	4-10 tahun	12	13.3
	11-15 tahun	12	13.3
	16-20 tahun	12	13.3
	21 tahun ke atas	49	54.4
Tahap mengajar	Tahap 1	50	55.6
	Tahap 2	40	44.4
Kategori Sekolah	Sekolah Bandar	0	0
	Sekolah Luar Bandar	90	100
Pernah Menghadiri Kursus KBAT	Ya	59	65.6
	Tidak	31	34.4
Jumlah (Responden)		90	100

Setiap guru mempunyai tempoh pengalaman mengajar berbeza, analisis berkenaan hal ini menunjukkan 5 orang guru (5.6%) mempunyai kurang dari 3 tahun pengalaman mengajar Bahasa

Melayu, responden yang mempunyai tempoh mengajar selama 4-10 tahun seramai 12 orang (13.3%), 11-15 tahun seramai 12 orang (13.3%) dan 16-20 tahun seramai 12 orang juga (13.3%). Guru

yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 21 tahun adalah seramai 49 orang (54.4%), paling ramai dalam kalangan responden. Setiap sekolah rendah mempunyai 2 tahap mengajar iaitu Tahap 1 (Tahun 1-3) dan Tahap 2 (Tahun 4-6). Seramai 50 orang guru (55.6%) mengajar pada tahap 1 manakala 40 orang guru (44.4%) mengajar pada tahap 2. Analisis berikutnya memerihalkan tentang kategori sekolah responden. Hasil soal selidik mendapati kesemua 90 orang responden (100%) mengajar di sekolah luar bandar. Analisis soal selidik juga mendapati 31.2% adalah perbezaan bagi jumlah responden yang pernah menghadiri kursus KBAT dan yang tidak mengikuti kursus KBAT. Seramai 59 orang responden (65.6%) pernah menghadiri kursus KBAT manakala yang selebihnya, 31 orang (34.3%) tidak pernah menghadiri kursus KBAT. Jadual 1 menunjukkan profil responden secara umum.

TAHAP PEMAHAMAN TENTANG KBAT

Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif bagi pemboleh ubah pemahaman terhadap KBAT iaitu min keseluruhan bagi pemboleh ubah tahap pemahaman para guru adalah 3.389, pada tahap sederhana menurut jadual 3 dengan sisihan piawai keseluruhan 0.620. Item ke-8 iaitu “Saya memahami aspek penggunaan i-Think dalam pengajaran” daripada 8 item yang dikemukakan di bawah pemboleh ubah ini mencatatkan min yang paling tinggi pada 3.81 dengan sisihan piawai 0.652, manakala 1.96 adalah min terendah pada pemboleh ubah ini yang diwakili oleh item “Kursus yang saya hadiri memberikan kefahaman yang baik tentang KBAT” dengan sisihan piawai 0.207. Jadual 3 menunjukkan statistik deskriptif bagi setiap item dalam pemboleh ubah pemahaman terhadap KBAT.

JADUAL 3. Taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai aspek pemahaman guru terhadap KBAT

Tahap Pemahaman	Frekuensi(Peratusan,%)					Min	Sisihan Piawai	Tahap
	SR	R	S	T	ST			
1. Kursus yang saya hadiri memberikan kefahaman yang baik tentang KBAT.	4 (4.4)	86 (95.6)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	1.96	0.207	Rendah
2. Saya memahami konsep pelaksanaan KBAT dalam bilik darjah	0 (0)	2 (2.2)	30 (33.3)	5 (5.6)	0 (8.9)	3.71	0.658	Tinggi
3. Saya memahami cara untuk mengaplikasikan KBAT dalam setiap aspek kemahiran bahasa	0 (0)	1 (1.2)	41 (45.6)	44 (48.9)	4 (4.4)	3.57	0.601	Tinggi
4. Saya memahami objektif Kemahiran Berfikir dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu	0 (0)	2 (2.2)	40 (44.4)	44 (48.9)	4 (4.4)	3.56	0.62	Tinggi
5. Saya mempunyai pemahaman mengenai aspek kognitif dan meta kognitif	0 (0)	7 (7.8)	42 (46.7)	36 (40)	5 (5.6)	3.43	0.72	Sederhana
6. Saya memahami setiap fungsi alat-alat berfikir yang boleh digunakan dalam KBAT	0 (0)	3 (3.3)	34 (37.8)	46 (51.1)	7 (7.8)	3.63	0.678	Tinggi
7. Saya mempunyai pemahaman mengenai konsep CoRT oleh de Bono	3 (3.3)	12 (13.3)	47 (52.2)	25 (27.8)	3 (3.3)	3.14	0.815	Sederhana
8. Saya memahami aspek penggunaan i-Think dalam pengajaran	0 (0)	1 (1.1)	26 (28.9)	52 (57.8)	11 (12.2)	3.81	0.652	Tinggi
9. Saya memahami aspek pelaksanaan menggunakan kemahiran berfikir dalam penyelesaian masalah dan pengajaran menulis	0 (0)	0 (0)	36 (40)	46 (51.1)	8 (8.9)	3.69	0.63	Tinggi
Jumlah						3.389	0.62	Sederhana

TAHAP PENGETAHUAN TERHADAP KBAT

Aspek pengetahuan responden terhadap KBAT terdiri daripada 10 item yang mencatatkan min keseluruhan 3.676 dengan sisihan piawai 0.629. Min tersebut menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap KBAT berada pada tahap tinggi. Item yang mencatatkan min tertinggi iaitu 3.83 dan sisihan piawai pada 0.566 adalah “Saya mengetahui

bagaimana cara mengembangkan potensi individu setiap murid” yang menunjukkan tahap tinggi manakala item terendah yang mencatatkan min 3.50 dan sisihan piawai 0.658 adalah “Saya mengetahui mengajar Bahasa Melayu dan kemahiran berfikir dengan menggunakan pendekatan KBAT”. Min 3.50 jatuh pada skala tinggi walaupun menghampiri skala sederhana. Jadual 4 menunjukkan min dan sisihan piawai item-item dalam aspek ini.

JADUAL 4. Taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai aspek tahap pengetahuan responden terhadap KBAT

Tahap Pengetahuan	Frekuensi(Peratusan, %)					Min	Sisihan Piawai	Tahap
	SR	R	S	T	ST			
1. Saya mengetahui kandungan sukatan pelajaran bagi KBAT	0 (0)	2 (2.2)	38 (42.2)	47 (52.2)	3 (3.3)	3.57	0.601	Tinggi
2. Saya mengetahui bagaimana menerapkan KBAT dalam pengajaran	0 (0)	0 (0)	35 (38.9)	46 (51.1)	9 (10.0)	3.71	0.64	Tinggi
3. Saya mengetahui bagaimana menggunakan pelbagai strategi dan teknik untuk mengajar KBAT	0 (0)	3 (3.3)	35 (38.9)	46 (51.1)	6 (6.7)	3.61	0.665	Tinggi
4. Saya mengetahui bagaimana mengajar Bahasa Melayu dan kemahiran berfikir dengan menggunakan pendekatan KBAT	0 (0)	6 (6.7)	35 (38.9)	47 (52.2)	2 (2.2)	3.5	0.658	Tinggi
5. Saya mengetahui bagaimana menentukan isi kandungan pelajaran berdasarkan pada kebolehan murid	0 (0)	1 (1.1)	35 (38.9)	46 (51.1)	8 (8.9)	3.68	0.65	Tinggi
6. Saya mengetahui bagaimana melibatkan murid secara aktif dalam proses pengajaran-pembelajaran	0 (0)	1 (1.1)	22 (24.4)	59 (65.6)	8 (8.9)	3.82	0.592	Tinggi
7. Saya mengetahui bagaimana cara mengembangkan potensi individu setiap murid	0 (0)	0 (0)	23 (25.6)	59 (65.6)	8 (8.9)	3.83	0.566	Tinggi
8. Saya mengetahui bagaimana menilai perkembangan murid dalam KBAT	0 (0)	2 (2.2)	38 (42.2)	41 (45.6)	9 (10)	3.63	0.694	Tinggi
9. Saya mempunyai pengetahuan bagaimana meningkatkan kemahiran berfikir murid ketika pertama kali memulakan pengajaran	0 (0)	1 (1.1)	28 (31.1)	56 (62.2)	5 (5.6)	3.72	0.581	Tinggi
10. Saya mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup untuk mengembangkan kemahiran berfikir murid	0 (0)	3 (3.3)	28 (31.1)	53 (58.9)	6 (6.7)	3.69	0.647	Tinggi
Jumlah						3.676	0.629	Tinggi

KEMAHIRAN PELAKSANAAN KBAT DALAM PENGAJARAN

Untuk aspek ini, min keseluruhan dan sisihan piawai berada pada tahap tinggi itu min=3.70 dan sisihan piawai=0.703. Dalam semua 10 item yang dikemukakan, “Saya mempunyai sumber-sumber pengajaran yang mencukupi untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran KBAT” menunjukkan min yang tertinggi (3.79) iaitu pada

skala tinggi dan sisihan piawai=0.841, manakala item yang mempunyai min paling rendah iaitu 3.66 ialah “”Saya merancang pelajaran untuk mengajar KBAT” (sisihan piawai=0.690) dan “Saya menilai perkembangan murid dalam KBAT”(sisihan piawai=0.706). Walaupun min berada paling rendah tetapi masih berada pada skala tinggi. Berikut adalah jadual yang menunjukkan min dan sisihan piawai setiap item dalam aspek ini.

JADUAL 5. Taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai aspek kemahiran pelaksanaan KBAT dalam pengajaran oleh responden

Tahap Pelaksanaan	Frekuensi (Peratusan, %)					Min	Sisihan Piawai	Tahap
	SR	R	S	T	ST			
1. Saya merancang pelajaran untuk mengajar KBAT	0 (0)	4 (4.4)	30 (33.3)	49 (54.4)	7 (7.8)	3.66	0.69	Tinggi
2. Saya menggunakan pelbagai strategi dan teknik untuk mengajar	0 (0)	3 (3.3)	30 (33.3)	50 (55.6)	7 (7.8)	3.68	0.668	Tinggi
3. Saya mengajar Bahasa Melayu dan kemahiran berfikir dengan menggunakan pendekatan penyebatian	2 (2.2)	0 (0)	33 (36.7)	46 (51.1)	9 (10)	3.67	0.75	Tinggi
4. Saya menentukan isi kandungan pelajaran berdasarkan kepada kebolehan murid	0 (0)	2 (2.2)	25 (27.8)	59 (65.6)	4 (4.4)	3.72	0.581	Tinggi
5. Saya menggunakan sumber pengajaran-pembelajaran bertujuan mengadakan pengajaran-pembelajaran yang berkesan	0 (0)	2 (2.2)	28 (31.1)	52 (57.8)	8 (8.9)	3.73	0.65	Tinggi
6. Saya memberi maklum balas yang berkesan kepada murid bagi tujuan mereka mempelajari KBAT	0 (0)	3 (3.3)	29 (32.2)	52 (57.8)	6 (6.7)	3.68	0.65	Tinggi
7. Saya melibatkan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi KBAT.	0 (0)	3 (3.3)	29 (32.2)	46 (51.1)	12 (13.3)	3.74	0.728	Tinggi
8. Saya menilai perkembangan murid dalam KBAT	1 (1.1)	3 (3.3)	28 (31.1)	52 (57.8)	6 (6.7)	3.66	0.706	Tinggi
9. Saya mempunyai masa yang cukup untuk melaksanakan aktiviti yang menjana KBAT murid	1 (1.1)	3 (3.3)	31 (34.3)	45 (50)	10 (11.1)	3.67	0.764	Tinggi
10. Saya mempunyai sumber-sumber pengajaran yang mencukupi untuk tujuan pengajaran-pembelajaran KBAT	2 (2.2)	0 (0)	31 (34.4)	39 (43.3)	18 (20)	3.79	0.841	Tinggi
Jumlah						3.7	0.703	Tinggi

SIKAP GURU TERHADAP KBAT

Seperti dalam jadual di bawah, min keseluruhan bagi aspek ini adalah 3.62 dan sisihan piawai 0.751, min jatuh pada skala tinggi. Item yang menunjukkan min tertinggi iaitu 3.81 dan sisihan piawai 0.652 ialah “Adalah menjadi tanggungjawab

guru untuk mengetahui lebih banyak dengan sendiri berkaitan KBAT”, manakala item ke-8 iaitu “Saya lebih suka menyediakan murid menghadapi peperiksaan daripada mengajar kemahiran berfikir” menunjukkan min terendah iaitu 3.42 dan sisihan piawai pada 0.807. Untuk min dan sisihan piawai item-item lain ada dalam Jadual 6.

JADUAL 6. Taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai aspek sikap guru terhadap KBAT

Tahap Sikap	Frekuensi(Peratusan, %)					Min	Sisihan Piawai	Tahap
	SR	R	S	T	ST			
1. Tanggungjawab guru adalah terhadap kepada sekolah dan masa di sekolah bagi mengajar KBAT	0 (0)	2 (2.2)	28 (31.1)	52 (57.8)	8 (8.9)	3.73	0.65	Tinggi
2. Saya mendapat kepuasan yang cukup dalam mengajar KBAT	1 (1.1)	6 (6.7)	40 (44.4)	39 (43.3)	4 (4.4)	3.43	0.735	Sederhana
3. Proses pengajaran-pembelajaran tidak sesekali menjadi ‘monotonous’ bila saya mengajar KBAT	1 (1.1)	7 (7.8)	23 (25.6)	45 (50)	14 (15.6)	3.71	0.864	Tinggi

4. Pendekatan mengajar yang baru dan lebih berkesan dikenali dari semasa ke semasa dalam mengajar KBAT	1 (1.1)	2 (2.2)	37 (41.1)	45 (50)	5 (5.6)	3.57	0.688	Tinggi
5. Adalah menjadi tanggungjawab guru untuk mengetahui lebih banyak dengan sendiri berkaitan KBAT	0 (0)	2 (2.2)	23 (25.8)	55 (61.1)	10 (11.1)	3.81	0.652	Tinggi
6. Untuk menjadi seorang guru yang berkesan seseorang memerlukan latihan yang berterusan dalam bidang pengajaran KBAT	0 (0)	3 (3.3)	24 (26.7)	53 (58.9)	10 (11.1)	3.78	0.683	Tinggi
7. Untuk menjadi seorang guru yang berkesan perlu mengubahsuai kandungan sukatan pelajaran bagi manfaat murid walaupun itu bermakna tidak mengikut dengan sepenuhnya sukatan pelajaran	1 (1.1)	10 (11.1)	27 (30)	41 (45.6)	11 (12.2)	3.57	0.887	Tinggi
8. Saya lebih suka menyediakan murid menghadapi peperiksaan daripada mengajar kemahiran berfikir	1 (1.1)	11 (12.2)	31 (34.4)	43 (47.8)	4 (4.4)	3.42	0.807	Sederhana
9. Saya menghadapi masalah dalam menyediakan murid menghadapi peperiksaan dan pada masa yang sama menyediakan mereka untuk berfikir dengan menggunakan KBAT	2 (2.2)	5 (5.6)	30 (33.3)	47 (52.2)	6 (6.7)	3.56	0.795	Tinggi
Jumlah						3.62	0.751	Tinggi

PENILAIAN GURU TERHADAP KBAT

Aspek ini mempunyai 9 item, min keseluruhannya jatuh pada skala tinggi iaitu 3.57 dan sisihan piawai pada 0.819. Item yang mencatatkan min tertinggi ialah “Kurikulum sedia ada menyediakan peluang untuk mengajar KBAT” pada 3.78, jatuh pada skala

tinggi dengan sisihan piawai=0.746, manakala item yang mencatatkan min terendah (3.37) dan sisihan piawai pada 0.854 ialah “Murid lebih berminat dengan aktiviti dan tugas berbentuk fakta yang mudah berbanding aktiviti dan tugas KBAT”. Min dan sisihan piawai untuk item selebihnya ditunjukkan pada Jadual 7.

JADUAL 7. Taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai aspek penilaian guru terhadap KBAT

Tahap Penilaian	Frekuensi(Peratusan, %)					Min	Sisihan Piawai	Tahap
	SE	R	S	T	ST			
1. Kurikulum sedia ada menyediakan peluang untuk mengajar KBAT	0 (0)	4 (4.4)	25 (27.8)	48 (53.3)	13 (14.4)	3.78	0.746	Tinggi
2. Penggunaan buku teks membantu dalam pengajaran KBAT	0 (0)	5 (5.6)	30 (33.3)	40 (44.4)	15 (16.7)	3.72	0.808	Tinggi
3. Murid lebih berminat dengan aktiviti dan tugas berbentuk fakta yang mudah berbanding aktiviti dan tugas KBAT	0 (0)	14 (15.6)	37 (41.1)	31 (34.4)	8 (8.9)	3.37	0.854	Sederhana
4. Murid kurang berminat dengan aktiviti KBAT dalam bilik darjah	2 (2.2)	0 (0)	41 (45.6)	41 (45.6)	6 (6.7)	3.54	0.721	Tinggi
5. Murid teragak-agak dalam memberikan jawapan bagi setiap soalan melibatkan KBAT	1 (1.1)	8 (8.9)	30 (33.3)	47 (52.2)	4 (4.4)	3.5	0.768	Tinggi
6. Murid kurang pengetahuan dalam meningkatkan kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) kepada KBAT	0 (0)	9 (10)	35 (38.9)	41 (45.6)	5 (5.6)	3.47	0.753	Sederhana
7. Murid terlalu bergantung kepada guru dalam setiap aktiviti KBAT	1 (1.1)	10 (11.1)	29 (32.2)	37 (41.1)	13 (14.4)	3.57	0.912	Tinggi

8. Murid lebih aktif apabila diajukan dengan soalan yang menggunakan KBAT	1 (1.1)	10 (11.1)	25 (27.8)	39 (43.3)	15 (16.7)	3.63	0.93	Tinggi
9. Masa adalah kekangan dalam melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran	1 (1.1)	9 (10)	29 (32.2)	40 (44.4)	11 (12.2)	3.57	0.875	Tinggi
Jumlah						3.57	0.819	Tinggi

PERBINCANGAN

Hasil kajian dalam bentuk analisis deskriptif menunjukkan persepsi sederhana pada pemahaman guru terhadap KBAT. Hasil kajian terperinci menunjukkan responden kebanyakannya kurang memahami konsep CoRT oleh de Bono dan aspek kognitif. Keberkesanan pengajaran guru banyak dipengaruhi oleh pemahaman guru terhadap KBAT. Oleh itu, aspek pemahaman ini perlu diberi perhatian lebih oleh guru. Guru-guru Bahasa Melayu kebanyakannya masih kurang memahami sepenuhnya tentang KBAT. Oleh itu, mereka tidak dapat memastikan pengajaran mereka yang berasaskan KBAT menepati objektif sebenar KBAT. Kekurangan keberkesanan KBAT terhadap pelajar juga adalah disebabkan kurangnya pemantauan berterusan bagi memastikan objektif sebenar KBAT dapat dicapai. Borko, Elliot dan Uchiyana (2002) juga menyokong kenyataan ini dengan menyatakan bahawa jika para guru mempunyai tahap kefahaman meluas tentang sesuatu program (KBAT), maka hasil pelaksanaan sesuatu sistem baru dalam pendidikan mampu mencapai hasil positif. Hasil kajian ini selari dengan kajian Zamri, Norasmah dan Mohammed Sani (2008) yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan para guru dalam KBKK masih rendah. Namun demikian, dapatan kajian bertentangan dengan kajian Nor Hazmaliza (2016) dan Tengku Fairus (2015) yang mendapati bahawa tahap pemahaman guru Bahasa Melayu tentang KBAT berada pada tahap tinggi.

Daripada aspek pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap KBAT menunjukkan hasil positif. Responden kebanyakannya mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang KBAT. Guru-guru Bahasa Melayu didapati mempunyai pengetahuan yang tinggi terutamanya daripada segi cara penerapan KBAT dalam pengajaran, melibatkan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mengembangkan potensi individu setiap murid dan meningkatkan kemahiran berfikir murid ketika pertama kali memulakan pengajaran. Pengetahuan guru yang mencukupi adalah perlu bagi memastikan

keberkesanan pengajaran berasaskan KBAT. Keperluan pengetahuan yang tinggi tentang KBAT diperkuat dengan hasil pembincangan dengan responden yang menyatakan perlunya mempunyai pengetahuan tinggi tentang KBAT kerana mereka sukar untuk menerapkan KBAT dalam Bahasa Melayu sekiranya mereka mempunyai pengetahuan yang rendah terhadap KBAT. Menurut Zamri (2014), pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang KBAT dapat membantu mereka merancang aktiviti PdP dengan baik dan seterusnya menjadikan aktiviti PdP menyeronokkan.

Daripada aspek pelaksanaan KBAT dalam pengajaran, guru mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menggerakkan KBAT dalam sesi pengajaran. Hasil kajian menunjukkan guru mempunyai tahap kemahiran pelaksanaan yang tinggi daripada aspek penentuan kandungan pelajaran berdasarkan kepada kebolehan murid, penggunaan sumber pengajaran-pembelajaran yang bertujuan untuk mengadakan sesi pengajaran-pembelajaran yang berkesan, melibatkan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi KBAT dan mempunyai sumber-sumber yang mencukupi bagi tujuan pengajaran-pembelajaran KBAT. Hal ini diperkuat dengan sesi pembincangan dengan guru yang kebanyakannya mempunyai sumber mencukupi bagi menjalankan KBAT dalam pengajaran, dan mampu melibatkan murid secara langsung dalam sesi pengajaran dan pembelajaran KBAT. Dapatan kajian ini menyamai kajian KBAT dalam Bahasa Melayu yang dilakukan oleh Nor Hasmaliza (2016) dan Tengku Fairus (2015) yang mendapati bahawa guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah dan menengah tahu bagaimana hendak melaksanakan KBAT dalam PdP mereka.

Daripada aspek sikap guru Bahasa Melayu terhadap KBAT juga menunjukkan tahap tinggi. Analisis terperinci setiap item menunjukkan guru Bahasa Melayu mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap sekolah dan masa di sekolah bagi mengajar KBAT, bertanggungjawab untuk mengetahui sendiri dengan lebih banyak berkenaan KBAT dan memerlukan latihan berterusan dalam bidang

pengajaran KBAT. Salah satu jalan bagi mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam Bahasa Melayu adalah dengan penerapan pemikiran aras tinggi dalam proses PdP Bahasa Melayu. Hal ini selari dengan kenyataan Day (2004) yang menyatakan bahawa sikap guru di sekolah mempengaruhi pelaksanaan sesuatu perubahan sistem dalam pendidikan. Kajian ini juga menyokong kajian Nor Hasmaliza (2016) yang menyatakan sikap guru terhadap KBAT adalah tinggi. Dalam kajian ini pun mendapati guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah di Sri Aman adalah tinggi.

Daripada segi penilaian terhadap KBAT, dapat menunjukkan bahawa penilaian guru Bahasa Melayu adalah berada pada tahap yang tinggi. Analisis terperinci pula menunjukkan para guru Bahasa Melayu mempunyai penilaian tinggi terhadap kurikulum sedia ada yang menyediakan peluang untuk mengajar KBAT dan penggunaan buku teks dalam PdP Bahasa Melayu melalui pendekatan KBAT. Hal ini menunjukkan kurikulum sedia ada perlu dimanfaatkan oleh guru sepenuhnya dan penggunaan material seperti buku teks dapat memangkinkan keberkesanan PdP KBAT. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu mengakui akan keberkesanan KBAT dalam PdP Bahasa Melayu untuk murid-murid sekolah rendah.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah di Sri Aman, Sarawak menerapkan elemen KBAT dalam PdP mereka. Hasil kajian merumuskan bahawa semua guru bahasa Melayu ini memahami, mengetahui, dan melaksanakan KBAT dalam PdP mereka. Guru-guru ini mempunyai sikap yang amat tinggi dan positif terhadap KBAT dan kepentingannya dalam PdP Bahasa Melayu. Guru-guru ini juga mengakui bahawa KBAT amat penting diterapkan dalam PdP guru Bahasa Melayu.

Justeru, kajian ini jelas menunjukkan bahawa kompetensi yang tinggi dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah di Sri Aman, Sarawak terhadap pelaksanaan PdP KBAT Bahasa Melayu adalah tinggi. Namun begitu, kajian ini mendedahkan adanya peningkatan kompetensi guru perlu ditingkatkan dan boleh di debat, terutamanya dalam aspek pengetahuan dan pemahaman, di mana guru didapati masih belum memahami secara sepenuhnya tentang apa yang mereka

praktikkan dalam PdP. Bagi menghasilkan guru yang profesional, pihak-pihak yang berwajib harus mengambil berat akan hal ini dan memusatkan usaha ke arah mendedahkan para guru tentang KBAT dengan efektif dan berterusan, seterusnya meningkatkan kompetensi guru ke arah pencapaian murid yang lebih baik.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid. 1999. *Kemahiran berfikir merentasi kurikulum*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Borko H., Elliot, R & Uchiyana, K. 2002. Professional development: A key to Kentucky's educational reform effort. *Teaching and Teacher Education* 18(8): 969-987.
- Day, C. 2004. *A passion of teaching*. London: Routledge.
- Farah Adlina Mokter. 2016. Keberkesanan pembelajaran berasaskan masalah (PBM) terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam karangan Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. 1970. Determining size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Madzannah Osman. 2000. Pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. Tesis Master Sains, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putera Malaysia.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. 2010. Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies* 11.
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. E disis ke-7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasyimah Ismail. 2016. Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. Tesis Sarjana Pendidikan, Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Noor Rohana Mansor. 2003. Penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 4: 22-26.
- Nor Hasmaliza Hasan. 2016. Persepsi guru bahasa Melayu sekolah menengah kebangsaan terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahimah Ahmad. 2016. Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam pengajaran karangan guru Bahasa Melayu: Satu kajian kes. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rajendran, N. 1998. Teaching higher-order thinking skills in language classrooms: The need for transformation of teaching practice. Doctoral dissertation, Michigan State University, East Lansing, MI: Michigan State University.
- Rajendran, N. 2000. Teaching higher-order thinking skills in classroom. <http://www.hongkongforum/2000.htm> [18 Mac 2017].

- Rajendran, N. 2001. Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi: Kesediaan guru mengendalikan proses pengajaran pembelajaran. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar/Pameran Projek KBKK: Poster Warisan-Pendidikan-Wawasan*. Anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1-2 Ogos 2001.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (pnyt.). 2016. *Kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (pnyt.). 2017. *Inovasi pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. 2012. Persepsi guru terhadap penggunaan kurikulum berasaskan bermain bagi aspek perkembangan bahasa dan literasi murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(1): 141-159.
- Sharifah Nor Puteh. 2012. Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(9): 19-31.
- Siti Nurliyana Ab. Halim. 2015. Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran pemahaman bacaan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zubidah Mohamed. 2006. Kesan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan pelajar tingkatan IV. Tesis Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Suzana Md. Hassan. 2015. Pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah menengah rendah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Tengku Fairus Raja Hassan. 2015. Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam menerapkan amalan kemahiran berfikir aras tinggi semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahya Othman. 2003. Pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran Bahasa Melayu daripada Perspektif Guru. *Jurnal Bahasa* 3(1): 136-159.
- Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. 2002. Penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran guru Bahasa Melayu. *Proceeding of The International Conference on Teaching and Learning*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. 2011. Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran Bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(5): 51-65.
- Zamri Mahamod, Norasmah Othman & Mohammed Sani Ibrahim. (pnyt.). 2008. *Profesionalisme guru novis: Model latihan*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. 2015. *Kepelbagaian pelajar dan perbersaan pembelajaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zanaton Hj. Iksan. (pnyt.). 2017. *Pembelajaran kolaboratif guru*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syazana Sahari
Kementerian Pendidikan Malaysia
syazanabtsahari@gmail.com

Zamri Mahamod
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
d-zam@ukm.edu.my

Diserahkan: 20 Oktober 2017
Diterima: 9 Januari 2018